



**JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI**

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' DR. ZURAIDI BIN ISHAK  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 4 TAHUN 2022**

**PADA**

**28 SEPTEMBER 2022 (RABU) JAM 2.30 PETANG**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN SERBAGUNA ARAS 3, BANGUNAN SP1,  
KOMPLEKS SETIA PERDANA, PUTRAJAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Keluarga Malaysia

YBrs. Encik Shamsul Akmal bin Abd. Aziz  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

YBrs. Dr. Haji Al-Azharri Siddiq Bin Haji Kamunri  
Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Komuniti)

Encik Zulkifli bin Othman  
Pengarah Bahagian Latihan

Encik Arfizan Bin Ramly  
Pengarah Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran

Puan Muzalina Binti Alias  
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

Encik Kamarozaman Bin Hanipah  
Pengarah Bahagian Kewangan dan Perolehan

Ketua-Ketua Cawangan, Ketua-Ketua Unit,

Tuan-tuan dan puan-puan warga Jabatan Komunikasi Komuniti yang dikasihi sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhana Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam majlis hari ini.
2. Terima kasih kepada semua yang hadir, terutama kepada Pegawai di Zon, yang jauh kita dekatkan, yang dekat kita rapatkan. Daripada Sabah, Sarawak, negeri-negeri lain di Semenanjung. Terima kasih saya ucapkan.
3. Tidak dilupakan kepada pihak urusetia, semua Bahagian/Unit yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran majlis pada hari ini. Ini adalah perhimpunan keempat tahun ini.

## **PROGRAM IHYA' RAMADAN**

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Program bersemuka di bulan Ramadan dengan menyantuni komuniti dan menjalinkan kerjasama strategik dengan pemimpin setempat.
5. Sebanyak 11 lokasi telah dilaksanakan.

**(SLAID)**

## PROGRAM GEGAR KOMUNITI

6. Program Gegar Komuniti merupakan satu platform advokasi dasar bertujuan membina satu persepsi yang positif kepada komuniti sasaran. Ianya bertepatan di bawah teras utama J-KOM iaitu pembangunan komuniti di peringkat akar umbi yang mengamalkan budaya ilmu, berkemahiran digital dan menghayati maksud patriotisme.
7. Selain itu, program ini merupakan satu bentuk *Community Engagement* di peringkat akar umbi antara kerajaan dengan komuniti di 10 buah lokasi.

(SLAID)

## NOMAD DIGITAL

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Program Jelajah Komunikasi Komuniti Belia Desa : 'Nomad Digital' merupakan program J-KOM yang dirangka khas bagi memberi pendedahan kepada golongan belia dalam mengekspresikan diri melalui penghayatan jati diri, patriotisme dan kenegaraan melalui medium media sosial dan media baharu.
9. Sebanyak enam (6) lokasi telah dilaksanakan.

(SLAID)

## **SUARA KELUARGA MALAYSIA**

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Seterusnya, bagi memenuhi fungsi utama Jabatan dalam mendekati komuniti di peringkat akar umbi dan membentuk komuniti berbudaya ilmu, berkemahiran digital dan berjiwa patriotik, Progra, Suara Keluarga Malaysia dilaksanakan di empat (4) buah lokasi.

**(SLAID)**

## **KEMPEN DERMA DARAH JOM@KOMUNITI**

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. Program ini adalah menyasarkan kakitangan awam di bawah JPM serta komuniti sekitar Putrajaya. Inisiatif tanggungjawab sosial J-KOM kepada komuniti dalam membantu sedikit sebanyak keperluan bekalan darah negara dan hospital-hospital di seluruh negara.
12. Selain itu, program ini dapat meningkatkan kesedaran tentang kebaikan menderma darah, menanam sifat keprihatinan terhadap penderitaan insan yang memerlukan. Ia juga meningkatkan kesedaran tentang peri pentingnya mempunyai tubuh badan yang sihat dan pengamalan gaya hidup sihat.

**(SLAID)**

## **PROGRAM IG LIVE**

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Program ini melibatkan bual bicara santai moderator dalam kalangan warga J-KOM dan tetamu jemputan daripada latar belakang kemahiran dan kejayaan yang berbeza dan sebanyak empat (4) siri telah dilaksanakan.
14. Elemen yang disasarkan ialah pembudayaan ilmu dan semangat patriotisme dan juang yang tinggi untuk dikongsi dengan penonton. Penonton juga boleh mengutarakan soalan untuk dijawab oleh tetamu jemputan.

**(SLAID)**

## **WACANA PATRIOTIK**

Hadirin dan hadirat sekalian,

15. Program komunikasi dua hala yang bermatlamat menyuburkan nilai-nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin pelapis negara. Jabatan berperanan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan golongan muda yang merupakan pewaris negara agar mereka mampu membentuk jati diri sejajar dengan teras ketiga penubuhan J-KOM iaitu melahirkan komuniti berjiwa patriotik.

16. Selain itu, menerusi kaedah komunikasi bersemuka, dapatkan maklum balas daripada golongan anak muda mampu memberi pemahaman yang lebih jelas mengenai tahap penghayatan, luahan, pandangan dan harapan golongan muda terhadap kerajaan masa kini.
17. Sehingga kini telah dua (2) kali dilaksanakan dan hari ini adalah program ke-tiga di Pagoh, Johor.

## **PROGRAM JELAS**

Hadirin dan hadirat sekalian,

18. Program JELAS@J-KOM (Jelajah Libat Urus Strategik) merupakan satu inisiatif program melibatkan pemimpin komuniti tempatan. Ia diwujudkan dengan mengambil peranan penyatuan komuniti melalui libat urus strategik yang akan menfokuskan kepada pemahaman dasar-dasar kerajaan secara komunikasi dua hala.
19. Program ini juga memberi peluang kepada pemimpin komuniti untuk mengutarakan isu di lapangan dan idea penambahbaikan demi Keluarga Malaysia yang lebih sejahtera
20. Sehingga kini telah dua (2) program telah dilaksanakan.

## **KUNJUNGAN HORMAT**

Hadirin dan hadirat sekalian,

21. Untuk makluman, kita semua tahu bahawa Jabatan ini baru setahun lebih penubuhan dan masih ramai yang kurang maklum dengan Jabatan ini.
22. Sehubungan itu, sebanyak 17 siri kunjungan hormat telah diadakan yang merangkumi Ketua Jabatan, Menteri Besar, Menteri Persekutuan dan Badan Korporat bagi menjalankan kerjasama strategik bersama-sama dalam memberikan perkhidmatan kepada komuniti khususnya.

**(SLAID)**

## **PROGRAM IDEA BINA NEGARA**

Hadirin dan hadirat sekalian,

23. Saya amat berbesar hati kerana J-KOM dilantik sebagai urusetia bagi Program Idea Bina Negara (IBN). Program ini akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 4 Oktober 2022 (Selasa) bertempat di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.
24. Ucapan sulung YAB Perdana Menteri pada 22 Ogos 2021:



*“Kepada anak muda di luar sana, jangan risau, penglibatan anda semua amat dihargai dan saya mengharapkan anda bersama dengan kerajaan ini untuk menjayakan agenda besar pemulihan Negara”*

25. Program ini mencerminkan keprihatinan kerajaan pimpinan YAB Perdana Menteri dengan mengambil cakna suara anak muda ke arah pembangunan negara.
26. Terima kasih saya ucapkan kepada urusetia serta semua yang terlibat dalam program ini. Saya menyeru agar semua warga J-KOM khususnya belia untuk bersama-sama menyuarakan idea dengan melayari laman portal rasmi IBN iaitu [www.ideabinanegara.my](http://www.ideabinanegara.my).
27. Terdapat dua (2) program utama yang akan diadakan pada hari tersebut iaitu Dialog Awam YAB Perdana Menteri bersama-sama anak muda. Dan yang kedua adalah ekspo iaitu beberapa pengisian seperti berikut:
  - Program bual bicara: slot program bual bicara anak muda yang menceritakan perjalanan ikon-ikon anak muda dalam membina kerjaya dalam pelbagai sektor seperti usahawan, *digital marketing*, sukan, food and beverages, hiburan, hobi, fesyen, kesihatan dan lain-lain;
  - Karnival Kerjaya Jamin Kerja Anak Muda: program penawaran peluang pekerjaan oleh majikan di sekitar Lembah Klang. – senarai majikan oleh PERKESO;

- eSukan: pertandingan eSukan serta peluang mencuba permainan eSukan
- Fiesta Kopi Anak Muda: pameran dan jualan produk kopi, peluang menceburi industry kopi sebagai penjual (barista), pengedar, dan lain-lain
- Pameran Kereta dan Motor: pameran kereta klasik serta kelab motorsikal
- Aktiviti sukan: program aktiviti sukan sihat anak muda, program street soccer, bola jaring 3 vs 3 serta pertandingan orang kuat (strong man)
- Citarasa Anak Muda serta Foodtruck: jualan makanan dan minuman untuk pengunjung
- Sesi cabutan dengan hadiah jumlah keseluruhan hampir RM50,000.
- Konsert Anak Muda: 4hb Oktober 2022, 8.00 malam di pentas utama.

## **PENUTUP**

28. Akhir sekali, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya menyeru agar semua warga J-KOM memberikan yang terbaik bagi

membantu Jabatan bergerak dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti.

29. Semua warga juga dijemput bersama-sama memeriahkan Program Idea Bina Negara yang akan berlangsung pada 4 Oktober 2022 di UiTM Shah Alam.

Sekian, Wa billahi taufik wal hidayah Wassalamu 'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.

Terima kasih.

DRAFT